

Benarkah kekalahan DAP berpunca daripada PAS? – Mohd Azrul Azuan Idris
Malaysian Insider
June 4, 2014

Saya tidak tahu atas asas apa kenyataan ini dibuat. Untuk menutup kelemahan? Atau mengambil kesempatan untuk menguatkan hujah menolak hudud?

Bagi saya, kata-kata ini tidak mencerminkan realiti apatah lagi setelah DAP menang besar di Pilihan Raya Kecil (PRK) Bukit Gelugor seminggu sebelum PRK Teluk Intan.

Kata-kata itu adalah versi pandangan Gobind Singh Deo, anak kepada mendiang Karpal Singh. Bagaimana pula dengan sisi pandangan orang lain?

Banyak tulisan berkenaan ramalan kekalahan DAP yang saya baca sebelum hari pengundian PRK Teluk Intan, menunjukkan kesilapan strategi DAP dalam PRK ini agak jelas kelihatan, dan kekalahan DAP diduga sejak awal. Ini perlu diperhalusi DAP sebelum menunding jari kepada orang lain.

Strategi meletak calon Melayu di kawasan yang dianggap kubu kuat DAP tidak menjadi.

Tujuan meletak calon Melayu diketahui sebagai strategi untuk "cover" isu peringkat nasional iaitu isu hudud. DAP ingin menggambarkan bahawa mereka tidak memusuhi Melayu dan Islam.

Tindakan ini juga untuk membawa imej baru bahawa DAP bukan parti khusus kaum Cina. Semua bangsa diberi ruang untuk berjaya dalam DAP. Buktinya, anak Melayu yang baru sertai DAP pada tahun 2012 itu, sudah diangkat sebagai calon.

Bagi saya, fokus DAP yang lebih memandang isu nasional dan menggunakan PRK ini untuk menonjolkan matlamat peringkat nasional, sehingga terlupa untuk mengkaji faktor politik tempatan di Teluk Intan, sudah merupakan kesilapan besar yang paling awal dilakukan DAP.

Selepas penamaan calon, baru tersebar cakap-cakap belakang bahawa calon Melayu DAP tidak membawa inspirasi tempatan. Antaranya:

– Teluk Intan tidak pernah diwakili oleh wakil rakyat Melayu Islam. Sentimen mahukan wakil rakyat bukan Melayu di kawasan majoriti bukan Melayu di

sana masih sangat tebal. Meletakkan calon Melayu, seterusnya dieksploitasi oleh BN-Gerakan dan dijadikan modal kempen adalah sangat berkesan untuk kaum Cina terutamanya menolak DAP.

– Calon Melayu DAP hanya popular di alam maya, di mana tidak dapat diakses oleh kebanyakan pengundi Teluk Intan. Saya yang berada di Mesir sendiri dapat mengenali serba sedikit siapakah Dyana Sofya, tetapi adakah pakcik Ah Seng yang selalu duduk minum kopi di bandar Teluk Intan mengenali beliau? Saya rasa tidak.

– DAP seakan-akan selesa dengan populariti yang diraih Dyana Sofya di luar Teluk Intan dan di alam maya, tetapi terlupa bahawa beliau masih terlalu baru di sana.

– Presiden Gerakan lebih jauh dikenali di Teluk Intan dan terkenal sebagai politikus peringkat nasional. Pengumuman bahawa beliau akan menjadi menteri menambahkan lagi masalah kepada DAP dan menenggelamkan populariti calon Melayu DAP di sana.

– Perak merupakan negeri diperintah BN. Dalam keadaan fenomena PRK di Malaysia yang selalunya akan dibanjiri projek, jalan raya dan janji-janji politik oleh BN, maka memilih BN dan menolak DAP akan memberikan keuntungan besar kepada pengundi Teluk Intan. Tambahan pula, kehilangan satu kerusi tidak akan menjadi kudis besar buat DAP dalam Parlimen Malaysia.

Dari sudut strategi berkempen, DAP jelas gagal untuk berkempen secara serius kepada pengundi Teluk Intan yang berada di luar kawasan untuk balik mengundi.

DAP sedia maklum bahawa pengundi luar ini adalah simpanan tetap DAP, maka gagal mengeluarkan peluru di kala tahu kekalahan mungkin berlaku adalah kesilapan besar yang perlu diakui DAP.

Saya menolak bahawa DAP kalah disebabkan persoalan hudud kerana tidak seperti sebelum ini, isu hudud muktakhir ini berlainan coraknya. Selain PAS, Umno juga dilihat telah terlibat dalam menjayakan agenda hudud ini.

Penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan Hudud di Kelantan boleh dijadikan modal oleh kedua-dua pihak untuk saling salah menyalahkan antara satu sama lain.

Dengan ayat mudah, jika Gerakan berkata DAP merestui PAS melaksanakan hudud, maka DAP boleh membalas bahawa Gerakan juga membiarkan Umno tunduk kepada PAS kerana kunci untuk pelaksanaan hudud tetap juga di tangan Umno sebagai pemerintah di peringkat pusat.

Maka, isu hudud ini sudah jadi modal yang seimbang antara kedua-dua pihak. Isu hudud tidak banyak ditonjolkan oleh kedua-dua pihak kerana masing-masing tahu bahawa mereka akan terjejas jika isu ini diangkat.

Selain itu, antara fakta bahawa isu hudud sama sekali tidak membumi di Teluk Intan adalah walaupun calon Melayu DAP sejak hari pertama kempen sudah berikrar akan mengundi untuk tidak bersetuju dengan pelaksanaan hudud di Kelantan, dan pendirian beliau dijadikan modal besar oleh Umno yang membantu kempen di kawasan majoriti Melayu, undi yang diterima DAP oleh kaum Melayu meningkat 3%.

Isu hudud juga saya lihat lebih kepada isu di Kelantan. Oleh itu, kaum Cina di Perak terutama di Teluk Intan, sama sekali tidak terjejas dengan apa sahaja keputusan yang diputuskan di sana.

Maka, bagi saya telahan YB Gobind Singh Deo bahawa kekalahan DAP di Teluk Intan disebabkan isu hudud adalah satu telahan rambang yang tidak bijak.

Beliau sekali lagi menyalahkan faktor nasional atas kekalahan DAP, tanpa menjenguk kepada faktor tempatan yang lebih banyak menyumbang kepada kekalahan DAP.

Terlalu banyak isu tempatan, juga isu dalaman DAP yang perlu dihalusi DAP. Antaranya adakah pencalonan Dyana Sofya mendapat restu 100% DAP Teluk Intan dan Perak.

Kemudian, benarkah berlaku penurunan undi kepada DAP dan peningkatan undi kepada BN. Seperti yang disebut oleh saudara Nurul Islam Mohamed Yusoff dalam artikel beliau yang disiarkan Harakahdaily:

"Untuk makluman YB Gobind, pertembungan fraksi juga dikata punca berlaku boikot oleh sebilangan pengundi. Jika dilihat keputusan PRK Teluk Intan, undi yang diperolehi Datuk Mah ketika PRU 13 dan PRK adalah hampir sama. Namun undi yang diperolehi oleh DAP turun 7,480 undi. Jadi 'swing' dari DAP ke BN tidaklah begitu ketara. Adakah terdapat boikot secara senyap oleh fraksi-fraksi yang tidak bersetuju dengan pencalonan Dyana Sofya? Atau adakah terdapat pengundi yang tidak bersetuju dengan calon selepas mengetahui ibunya adalah ahli pertubuhan Perkasa yang mendapat kecaman kuat oleh masyarakat Tiong Hua?"

Saya memahami bahawa DAP agak terkejut dan terkilan dengan kekalahan mereka di Teluk Intan. Mereka memegang rekod cemerlang sejak 2008, malah momentum mereka berterusan pada 2013.

Dua PRK dalam tahun ini merupakan ujian pertama untuk DAP sejak PRU13. Oleh itu, selepas cemerlang mempertahankan Bukit Gelugor, pastinya mereka mengharapkan momentum itu berterusan di Teluk Intan.

Namun, kekalahan pula yang datang. Ini sangat menyedihkan bagi DAP. Kemaraan mereka dalam politik seolah-olah disekat. Tekad mereka untuk melihat Gerakan menerusi presidennya berkubur seperti MCA yang lari sebelum berjuang, tidak kesampaian.

Oleh itu, DAP perlu muhasabah dan melihat kelemahan yang mereka ada. Bukan menyalahkan pihak lain.

Jika kekalahan mengajak DAP untuk perlu menoleh sebentar kebelakang, maka hadapilah dengan tenang. Jangan bersikap sombong bahawa DAP ini kuat dan tiada kelemahan dan kekalahan ini adalah disebabkan pihak lain iaitu PAS.

Bersikap "gentleman" lah dalam keadaan ini. – 4 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/rencana/article/benarkah-kekalahan-dap-berpunca-daripada-pas-mohd-azrul-azuan-idris>